

# 30 Hari

**DOA BAGI DUNIA MUSLIM  
EDISI KANAK-KANAK**



BHB SEPTEMBER - 12HB OKTOBER 2007

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

---

Hari 1            13hb September

Panggilan untuk berdoa di Algiers

Tahukah anda?

- Algiers merupakan sebuah kota besar di Algeria yang mempunyai lebih 2 juta penduduk
- Undang-undang di Algeria melarang orang Kristian mengongsikan Yesus dengan umat Islam
- Algiers merupakan sebuah kota yang terletak di persisiran Laut Mediterranean

Rashid sedang duduk di beranda dan melihat pemandangan kota. Dia dapat melihat laut dan kapal yang berlabuh. Dia juga dapat melihat bahagian kota lama yang digelar Kasbah. Sementara dia sedang duduk, dia terdengar azan yang biasa didengarinya, Bilal dari sebuah masjid yang berdekatan sedang memanggil umat Islam untuk bersembayang. Lima kali sehari dia dapat mendengarnya.

Allahu Akbar Allahu Akbar

( Allah Maha Besar )

Saya bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah (x2)

Saya bersaksi bahawa Muhammad merupakan Pengutus dari Allah (x2)

Datanglah untuk berdoa (x2)

Datanglah kepada kemakmuran (x2)

Allahu Akbar Allahu Akbar

Tiada tuhan selain Allah

Biasanya Rashid tidak mengikuti mereka pergi sembayang, tetapi oleh kerana baru-baru ini pakciknya telah meninggal dunia, ini menyebabkan dia mula lebih memikirkan tentang keagamaan. Haruskah Rashid ikut pergi sembayang?

### **Jom!**

Seperti seorang bilal, cuba nyanyikan doa anda hari ini. Jika anda tidak dapat lakukan, anda boleh nyanyikan lagu lain seperti 'Shine Jesus Shine' untuk orang-orang di Algeria.

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah untuk orang muda seperti Rashid agar mereka dapat mengenal Tuhan sebagai seorang Bapa,
- Berdoalah untuk persekutuan-persekutuan rumah di mana orang yang percaya dapat bertemu,
- Berdoalah agar lebih ramai orang Algeria akan mengenal Yesus.

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

---

Hari ke-2                      14hb September

Bersiap sedia untuk berdoa di Beirut

Tahukah Anda?

- Beirut adalah ibu kota negara Lubnan
- Kota itu telah dimusnahkan semasa peperangan di antara Israel dan Lubnan
- Kebanyakan orang muda di Beirut tidak mempunyai kerja dan ingin keluar dari Lubnan

Ahmad mendengar panggilan bilal dari masjid. Masa untuk sembahyang lagi. Ahmad mengambil keputusan tidak pergi ke masjid tetapi untuk berdoa di rumah. Dia mempunyai tikar sembahyang yang dia letakkannya di atas lantai. Tetapi terlebih dahulu, dia perlu membersihkan diri dan bersedia untuk sembahyang. Perkara ini tidak begitu senang. Terlebih dahulu dia berdoa dan mengatakan kepada Allah bahawa dia bersedia untuk membersihkan diri. Dia memulakannya dengan mencuci tangannya sebanyak 3 kali, membersihkan mulutnya dan hidungnya, mencuci mukanya, lengannya dan telinganya... semuanya 3 kali. Akhir sekali dia mencuci kakinya dan sekarang dia bersedia untuk berdoa. Dia meletakkan tikarnya dan bermula. Marilah kita ikut dia berdoa.

Bahagian badan Ahmad manakah yang dibersihkannya? Susunkan huruf-huruf ini:

**lentgai, umult, ngenla, tngaan, kkai**

**Jom!**

Ambillah sehelai tikar atau tuala yang boleh anda duduk untuk mengikut Ahmad berdoa. Apabila orang Islam sembahyang, mereka berdiri dahulu dan kemudian tunduk. Anda boleh mendoakan satu bahan doa semasa berdiri dan kemudian tunduk kepada Tuhan untuk bahan doa yang seterusnya.

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah agar orang-orang Islam sedar bahawa membersihkan diri secara luar tidak dapat menyucikan mereka dan bahawa Tuhan, melalui pengampunan-Nya, ingin menyucikan mereka dari dalam
- Berdoalah agar Orang Kristian yang tinggal di Lubnan dapat menunjukkan kasih Tuhan kepada jiran Islam mereka
- Berdoalah bahawa Orang Arab dan Yahudi dapat mengetahui bahawa Tuhan mengasihi mereka semua

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

Hari ke-3                      15hb September

Berdoa di Riyadh

Tahukah anda?

- Riyadh merupakan ibu kota negara Arab Saudi
- 4.5 juta penduduk tinggal di sana
- Masjid Al Rajhi mempunyai ruang yang cukup untuk beribu-ribu orang

Selepas mereka meletakkan kereta mereka di luar, ramai kaum lelaki, bapa-bapa dengan anak-anak lelaki mereka, datuk-datuk, dan pemuda-pemuda berbaris dalam barisan-barisan yang panjang di dalam masjid. Mereka semua berhadap ke arah Mekah, kota terpenting dalam agama Islam. Kemudian mereka sembahyang bersama-sama, berdiri dan kemudian tunduk. Doa dan perbuatan mereka dipanggil raka'ah. Setiap kali mereka bertemu, mereka akan berdoa raka'ah sebanyak 2 - 4 kali. Seorang Islam yang setia sembahyang, akan berdoa sebanyak 300,000 raka'ah dalam masa 50 tahun.

A B C	D E F	G H I
J K L	M N O	P Q R
S T U	V W X	Y Z

☺      ☺     ☺     ☺     ☺

Apakah nama kota yang orang Islam harus berhadap semasa mereka sembahyang?


**Jom!**

Doakanlah Doa Allah Bapa bersama-sama dan berdoalah agar penduduk di Riyadh dapat melihat kemuliaan Tuhan.

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah agar mereka yang kerap bersembahyang akan mempunyai keinginan untuk mengenal Tuhan secara peribadi
- Ramai orang asing yang tinggal dan kerja di Arab Saudi merupakan orang Kristian. Berdoalah agar mereka boleh menjadi saksi kepada orang-orang Islam di sana.

Kebanyakan orang Muslim suka akan mimpi. Berdoalah agar Tuhan memberi mereka mimpi-mimpi yang membolehkan mereka



## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

---

Hari ke-4                      16hb September

Delta Nil

Tahukah anda?

- 32 juta penduduk Mesir tinggal di Delta Nil
- Kebanyakan penduduk di Delta ini merupakan petani
- Petani-petani di sini menanam padi

Delta Nil merupakan satu kawasan yang besar di utara Kairo di persisiran Laut Mediterania. Terdapat banyak bandar dan kampung di Delta ini. Setiap tahun ramai orang berpindah ke tempat ini. Terdapat juga banyak universiti di Delta Nil, tetapi ramai petani miskin yang tinggal di sini buta huruf. Kebanyakan penduduk di sini hidup dalam ketakutan, kekeliruan dan percaya akan ilmu sihir. Kebanyakan mereka adalah penganut Islam tetapi ada di antara mereka yang merupakan orang Kristian dari Gereja Koptik. Mereka percaya bahawa Markus, penulis Injil Markus, adalah pengasas gereja mereka.

### **Jom!**

Delta (muara sungai) berbentuk segitiga. Guntingkan segitiga besar daripada sekeping kertas atau suratkhbar lama. Gunakan batu atau objek kecil untuk melambangkan orang dan letakkannya di atas Delta ini sambil mendoakan mereka. Anda boleh meletakkan tangan anda ke atas mereka. Anda boleh juga melukis beberapa batang sungai yang mengalir melalui Delta (Sungai Nil dan anak-anak sungainya).

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah agar orang di sana dapat mendengar dan datang mengenal Yesus melalui rancangan radio Kristian
- Berdoalah agar keluarga-keluarga akan mengenal Yesus bersama-sama
- Berdoalah menentang semua ketakutan dan kekeliruan yang ada pada mereka, kerana Yesus datang untuk mengambil segala rasa takut kita

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

---

Hari ke-5                      17hb September

Orang-orang Islam di Kuwait

Tahukah anda?

- Kuwait merupakan sebuah negara yang sangat kecil
- Setengah daripada penduduk di Kuwait adalah orang asing.
- Penduduk awal yang tinggal di Kuwait adalah orang Beduin (Badwin) dari suku kaum Al Aniza

Kuwait merupakan negara yang berbeza dari negara di sekelilingnya. Seratus tahun yang lalu, orang Kristian datang ke Kuwait untuk menolong mereka dengan bantuan perubatan. Oleh itu, penduduk Kuwait menjadi terbuka dan memberi layanan mesra kepada orang Kristian. Kerajaan negara Kuwait telah memberi bangunan kepada orang Kristian agar mereka dapat beribadat. Setiap minggu seramai 40,000 orang bertemu di beberapa tempat yang berbeza untuk menyembah Tuhan. Pastor-pastor dari Kuwait percaya bahawa mereka berada di sana untuk menunjukkan siapakah Yesus kepada bangsa-bangsa disekeliling mereka, dan bahawa Dia datang demi mereka semua, dan untuk menjadi terang bagi mereka.

### **Jom!**

Sambil anda berdoa, anda boleh menyalakan beberapa batang lilin sebagai lambang untuk orang-orang Kuwait yang ingin menjadi terang bagi orang lain.

Bahan-bahan Doa:

- Ramai orang Kuwait mendengar tentang Tuhan melalui TV. Berdoalah agar mereka dapat bertemu dengan orang Kristian yang dapat menolong mereka menjadi pengikut Yesus yang benar.
- Berdoalah agar orang Kuwait yang percaya kepada Yesus dapat menjadi teladan yang baik dalam urusanniaga mereka.
- Kaum wanita Kristian diperlukan untuk mengongsikan injil kepada kaum wanita di Kuwait
- Kebanyakan kedai buku Kristian terpaksa ditutup pada 1951. Berdoalah agar kedai buku Kristian dapat dibuka semula dan dapat menjual alkitab kepada orang ramai.

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

---

Hari ke-6                      18hb September

Orang-orang Islam di Qatar

Tahukah anda?

- Qatar mempunyai begitu banyak gas asli sehingga ia mampu menjadi salah satu negara yang terkaya di bumi
- Lebih kurang 75% daripada penduduk di Qatar adalah dari negara lain

Qatar merupakan satu negara kecil yang muncul seperti ibu jari di persisiran Telukan Parsi (Lihatlah di peta!). Bertahun-tahun lamanya, orang Arab telah tinggal di sana, membina kapal layar, memancing dan mencari mutiara di laut. Oleh kerana minyak dan gas yang dijumpai di negara ini, ia menjadi sangat kaya dan mengalami banyak perubahan. Beberapa tahun yang lalu, ramai orang Kristian dari seluruh dunia berdoa untuk Qatar dan hasilnya, pemerintah Qatar telah memberi tanah kepada orang Kristian di Doha, ibu kota Qatar, untuk membina 6 buah gereja di sana. Dengan itu, ramai orang Kristian dapat bersekutu dan sembahyang bersama-sama secara bebas.

**Jom!**

Orang Arab di Qatar memakai pakaian seperti jubah panjang, dan lelaki dan perempuan menutup kepala mereka dengan selendang. Pakailah selendang seperti orang Qatar dan kemudian doakan mereka.



Bahan-bahan Doa:

- Kerabat diraja Al Thani telah memerintah Qatar selama 150 tahun. Emir (Raja) mempunyai 3 isteri dan 15 anak. Berdoalah untuk dia dan keluarganya agar dia menjadi seorang pemerintah yang baik.
- Berdoalah agar 6 buah gereja itu dapat dibina dengan cepat dan ramai orang dapat ke sana dan mengenal Yesus
- Berdoalah untuk orang Qatar dan penduduk asing di sana, supaya mereka dapat bertemu dengan Yesus dan bertumbuh dalam iman.

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

Hari ke-7


19hb September

Orang-orang Islam di Tunisia

Tahukah anda?

- 10 juta penduduk tinggal di Tunisia
- Ia hanya pernah mempunyai 2 orang Presiden ( seperti Perdana Menteri ) selama 50 tahun ini
- Kebanyakan orang Kristian tinggal di Tunis, ibu kota Tunisia.

Ali tinggal di Tunis, ibu kota Tunisia. Dia sangat suka akan negaranya yang sangat cantik dan aman damai untuk beberapa tahun. Dia dapat melihat ramai pelancong dari negara-negara lain datang menikmati laut dan pantai-pantai di sini. Beberapa minggu yang lalu, Ali telah jatuh sakit dan salah seorang kawan Kristiannya telah mendoakan dia dan dia terus sembuh. Sekarang dia mula minat dengan Yesus tetapi belum lagi mengikuti-Nya.



Ali sedang berpindah ke bandar baru, bolehkah anda tolong tunjukkan jalannya?

**Jom!**

Beberapa pengikut Kristus mula berpindah ke bahagian lain di Tunisia untuk menjadi saksi. Marilah mula berdoa bersama-sama di suatu bahagian rumah anda dan kemudian setiap ahli keluarga beredar ke bilik lain dan terus berdoa.

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah untuk orang seperti Ali yang telah mengalami kuasa Tuhan tetapi tidak tahu cara mengikuti Dia
- Berdoalah untuk rancangan radio dan untuk orang-orang yang memberikan jawapan kepada mereka yang mendengarnya
- Berdoalah untuk pemimpin negara, supaya mereka mempunyai hikmat untuk memerintah dengan baik
- Berdoalah untuk orang-orang Kristian yang telah berpindah ke kota dan bandar untuk baru untuk memberitakan Yesus kepada orang lain.

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

Hari ke-8                      20hb September

Orang Dongxiang

Tahukah anda?

- Orang Dongxiang tinggal di Negara China
- Mereka bertutur dalam bahasa ibunda mereka dan kebanyakan mereka hanya pergi ke sekolah selama setahun sahaja
- Kebanyakan mereka bekerja sebagai petani

Dongxiang bererti “kampung di bahagian timur”. Orang Dongxiang datang dari sebelah Asia Tengah apabila Genghis Khan menakluki tempat itu pada abad ke-12. Sekarang kebanyakan mereka tinggal di kawasan pergunungan yang kering dan kasar. Di sana mereka hidup bercucuk tanam dan menanam banyak pokok-pokok buah-buahan yang digemari oleh orang ramai di Negara China. Bahasa mereka tidak mempunyai sistem penulisan. Oleh itu, mereka menceritakan cerita dongeng dan lagenda, lagu dan puisi dalam bahasa mereka agar tidak melupakannya. Kebanyakan orang Dongxiang sangat miskin dan tidak pandai bertutur dalam bahasa Cina. Kerajaan negara China sedang berusaha membantu mereka.

T	P	O	K	O	K	R	A	M	I
E	A	C	E	G	I	K	T	B	U
M	T	Y	X	C	V	K	W	A	G
B	B	A	P	R	I	K	O	T	A
I	H	E	M	P	R	H	E	E	N
K	J	J	A	G	U	N	G	K	D
A	D	O	Q	A	I	G	T	E	U
I	D	N	Z	R	T	N	C	B	M
U	B	I	K	E	N	T	A	N	G

Carilah buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman yang ditanam oleh orang Dongxiang.

### **Jom!**

Ambil kertas, pensil warna dan gunting. Lukiskan beberapa jenis buah-buahan dan kemudian itu guntingkan dan tulis bahan doa di atas gambar-gambar itu. Sambil anda melakukannya, anda boleh berdoa. Selepas berdoa, simpanlah lukisan buah-buahan itu di dalam poket anda dan terus berdoa untuk orang Dongxiang sepanjang hari ini. Anda juga boleh lekatkan lukisan buah-buahan itu di tempat di mana semua ahli keluarga anda dapat melihatnya.

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah agar Tuhan menghantar orang Cina beragama Kristian kepada orang Dongxiang untuk memberitakan Yesus dan menolong mereka dalam hal perubatan dan projek-projek pendidikan
- Berdoalah agar Tuhan membuka hati mereka supaya mereka dapat memahami Injil dan menjadi sebahagian daripada Kerajaan Tuhan
- Berdoalah untuk beberapa orang Kristian yang berada di kalangan orang Dongxiang, agar mereka menjadi kukuh dan mempunyai peluang untuk bertemu di dalam persekutuan rumah

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

---

Hari ke-9

21hb September

Orang Kazakhstan yang tinggal di bahagian barat Mongolia

Tahukah anda?

- Di bahagian barat Mongolia terdapat kawasan pergunungan yang tinggi
- 87,000 orang Kazakhstan tinggal di wilayah Bayan-Olgii
- Mereka hidup berpindah-randah bersama-sama dengan ternakan mereka

Setiap bulan Oktober, semua orang akan berkumpul untuk “pesta rajawali emas”. Mereka yang pandai melatih burung rajawali datang dengan burung rajawali mereka dan berkumpul di sana. Mereka memakai sarung tangan yang tebal tempat burung rajawali bertenggek di tangan mereka. Dari sana, rajawali itu akan terbang tinggi, menunjukkan kebolehan mereka dan bertandingan dengan rajawali yang lain. Rajawali itu juga dilatih untuk memburu tikus, katak, bahkan binatang yang lebih besar seperti serigala. Orang Kazakhstan yang tinggal di Mongolia suka akan pesta ini dan tidak mahu perubahan dari segi ini. Orang Kazakhstan adalah penganut Islam, tetapi sudah bertahun-tahun mereka tidak sembahyang di masjid kerana mereka tidak mempunyai masjid. Agama Islam tidak begitu penting di dalam hidup orang Kazakhstan.

### **Jom!**

Oleh kerana burung rajawali terbang tinggi, hari ini anda boleh membuat kapal terbang daripada kertas dan terbangkannya tinggi-tinggi. Siapa yang paling tinggi akan berdoa untuk orang Kazakhstan. Cuba lagi!

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah untuk mereka yang membawa injil kepada orang-orang Kazakhstan agar mereka mempunyai hikmat dan tahu bagaimana untuk berbicara dengan orang Kazakhstan
- Berdoalah agar orang Kristian yang berada di Mongolia akan mula mengongsikan injil kepada orang Kazakhstan



## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

---

Hari Ke-10                      22hb September

Wilayah Balkh di Afghanistan

Tahukah anda?

- Mazari Sharif merupakan ibu kota wilayah Balkh dan mempunyai 240,000 penduduk di sana
- Kota yang lain, Balkh, pernah ditakluk oleh Iskandar Agung dan dimusnahkan oleh Genghis Khan

Ramai orang mengembara ke Mazari Sharif dan berdoa di Masjid Biru yang sangat terkenal dan cantik. Orang ramai percayakan suatu mimpi yang mengatakan bahawa Ali Bin Talib, sepupu kepada Muhammad, telah dikuburkan di sana. Pada tahun 1997, orang Taliban telah cuba merampas kuasa di Mazari, tetapi tidak berjaya, namun perbuatan mereka mengakibatkan ramai orang terkorban pada hari itu. Satu tahun kemudian, mereka kembali dan mengambil alih kota itu. Lebih ramai orang lagi menderita. Kini, Mazari kelihatan agak berbeza. Kedai-kedai, bahkan pasaraya baru telah dibina semula tetapi masih hanya terdapat segolongan kecil orang sahaja yang mengenal Yesus.

Balkh sekarang mempunyai nama baru, cari apa nama itu: **23 1 26 9**  
**18 1 2 1 4**  
(jawabannya di muka surat...)

**Jom!**

Masjid Biru kelihatan sangat cantik. Adakah kamu mempunyai barang-barang yang berwarna biru di rumah anda? Kumpulkannya dan sambil anda menikmati kecantikan barang-barang itu, berdoalah untuk mereka yang memandangi Masjid Biru dan mengharapkan pertolongan dari sana.

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah agar mereka yang datang ke Masjid Biru untuk sembahyang, dapat bertemu dengan Yesus semasa mereka sembahyang.
- Berdoalah untuk penduduk di Mazari yang menderita melalui kejadian dahsyat pada tahun 1997 dan 1998.
- Berdoalah agar orang-orang Kristian yang tinggal di sana dapat menjadi saksi yang baik kepada orang lain.

Hari ke-11                      23hb September

Orang Uygur dari Xinjiang

Tahukah anda?

- Orang Uygur tinggal di bandar-bandar oasis di persekitaran gurun Taklimakan
- Bahasa Uygur merupakan bahasa Turkik dan ditulis seperti tulisan Arab.
- Orang Uygur suka akan seni, muzik dan kesusasteraan

Adakah anda suka pergi ke pasar? Jika ya, anda harus ke Kashgar, salah satu kota penting bagi orang Uygur. Setiap minggu, beribu-ribu orang datang menjual beli di salah satu bazar mingguan yang terbesar di Asia Tengah. Hampir semua orang di sana beragama Islam. Ramai di antara mereka datang dari negara lain seperti Pakistan, Kirghizia (Kyrgyzstan) dan Tajikistan. Yang lain pula datang dari kawasan perkampungan di persekitaran Kashgar. Dapatkah anda bayangkan keadaannya yang berwarna-warni, makanan lazat yang berbeza-beza dan suara para penjual menjual barangan mereka? Sedihnya, tidak ramai orang di sana yang beragama Kristian!

### **Jom!**

Buatlah suatu gerai menjual-beli bagi orang Uygur! Bincangkanlah dengan keluarga anda tentang barang-barang yang anda boleh jual (seandainya anda dapat melakukannya) kepada orang Uygur yang dapat menolong mereka memahami tentang Tuhan dan membawa mereka lebih dekat kepada Yesus (contohnya kasih...). Tuliskan barang-barang itu ke atas sekeping kertas dan kemudian doakan mereka sepanjang hari ini.

Bahan-bahan Doa:

- Orang Uygur amat takut akan hantu. Berdoalah agar mereka sedar bahawa Yesus boleh mengambil semua ketakutan mereka
- Perjanjian Baru sudah diterjemahkan ke dalam bahasa Uygur. Berdoalah agar Perjanjian Lama juga dapat diterjemahkan dan membolehkan orang-orang Uygur dapat membacanya
- Berdoalah hari ini, dan terus berdoa agar ramai orang akan berdoa syafaat bagi pihak orang Uygur

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

Hari ke-12

24hb September

Orang-orang Islam di Nuristan

Tahukan anda?

- Nuristan merupakan satu wilayah di pergunungan Afghanistan
- Kebanyakan kampung-kampung di sana mengalami hujan salji semasa musim sejuk

Orang Pashtun dan Nuristan telah lama berperang di antara satu sama lain. Pada tahun 1865, 2 orang Pashtun yang baru menjadi Kristian telah pergi ke Nuristan dan memberitakan tentang Tuhan, bahawa Dia ingin membawa kedamaian bagi mereka. Dengan melakukan demikian, mereka telah mengambil risiko yang besar. Akan tetapi, orang Nuristan sangat gembira menerima mereka dan mendengar Injil yang diberitakan. Mereka juga mahu 2 orang itu kembali ke tempat itu, tetapi oleh kerana tempatnya sukar, tiada orang yang kembali. Beberapa tahun kemudian, mereka semua dipaksa menganut agama Islam. Nuristan merupakan sebuah tempat yang sangat miskin dan berkeperluan, dengan peperangan yang sentiasa berterusan. Tetapi masih ada harapan; masih terdapat orang yang mempunyai keinginan untuk pergi ke Nuristan dan membawa Injil sekali lagi kepada orang-orang Nuristan.

~~U M A T A I N D A H~~

Orang Nuristan memerlukan

~~K A I S U I A M T R P D I A N D A~~

bukan

**Jom!**

Nuristan bererti "Tanah Terang Syurgawi". Mari nyanyikan lagu "Shine Jesus Shine" bersama-sama bagi orang Nuristan (atau lagu lain yang menyatakan tentang terang Tuhan).

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah agar orang Nuristan akan mendapat mimpi dan penglihatan supaya mereka bersedia apabila orang-orang misionari datang
- Orang Nuristan memerlukan penginjil dan juga orang yang dapat membawa bantuan perubatan, mereka harus bersedia untuk menghadapi keadaan yang sukar
- Berdoalah agar pekerja-pekerja dapat datang ke Nuristan

Hari ke-13                      25hb September

Pekerja Asing Islam di Taiwan

Tahukah anda?

- Pekerja-pekerja itu datang dari negara Asia yang lain
- Kebanyakan mereka mempunyai kerja yang bergaji rendah
- Kebanyakan mereka adalah kaum wanita

Mereka yang datang ke Taiwan untuk bekerja hanya boleh tinggal selama 6 tahun dan selepas itu, mereka harus balik ke negara mereka. Mereka membina masjid baru di Taiwan dan berpuasa pada bulan Ramadan. Melalui pekerja-pekerja ini, orang di Taiwan belajar tentang makanan Islam dan adat Islam; ada yang telah berkahwin dengan mereka. Syukurlah ada pastor-pastor di beberapa gereja yang tahu bahasa mereka dan dapat bercakap dengan mereka. Pastor-pastor sudah mula memberitakan tentang Yesus kepada pekerja-pekerja asing ini. Apabila mereka pulang selepas 6 tahun, mereka dapat mengongsikan berita baik ini kepada keluarga mereka juga.

**Jom!**

Adakah anda mempunyai sebarang buku atau Alkitab dalam bahasa lain di rumah anda? Ambillah dan longgokkan. Kemudian, doakan semua pekerja di Taiwan yang tidak dapat berkomunikasi dalam bahasa tempatan.

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah agar lebih ramai orang Kristian di Taiwan akan mengongsikan Injil dengan pekerja asing
- Berdoalah agar pekerja asing akan terbuka untuk mendengar Injil
- Kesusasteraan dalam bahasa pekerja asing diperlukan tetapi video dan pita rakaman suara juga diperlukan

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

---

Hari ke-14                      26hb September

Negara Georgia

Tahukah anda?

- Kebanyakan penduduk Georgia adalah orang Kristian
- Georgia terletak di sebelah timur Laut Hitam
- Ibu kota Georgia adalah Tbilisi

Georgia merupakan salah satu negara yang pertama di dunia di mana penduduknya menganuti agama Kristian, tetapi setelah ditawan beberapa kali oleh empayar Islam, ramai yang menganuti agama Islam. Georgia merupakan sebuah negara yang bergunung-ganang. Beberapa di antara puncaknya mencapai ketinggian 5,200 meter (17,000 kaki). Di pinggir Laut Hitam, anggur, buah-buahan jenis limau (sitrus) dan kacang hazel merupakan hasil tanaman dan pengeksporan Georgia.

Lihat di peta dan cari negara-negara yang bersempadan dengan negara Georgia:

R		S		A					
A				N		A			
A							J	A	N
T		R		I					

**Jom!**

Berdirilah di atas kerusi untuk mencari orang-orang misionari bagi Georgia. Sambil anda berdiri di atas kerusi, anda boleh berdoa. Mesti ikut giliran!

Bahan-bahan Doa:

- Salah satu kumpulan orang Islam adalah orang Azeri; berdoalah agar orang yang tahu bercakap dalam bahasa Azeri dapat pergi dan mengongsikan Berita Baik dengan mereka. Alkitab dan filem Yesus dalam bahasa Azeri sudah sedia ada.
- Berdoalah untuk orang Kristian di Georgia agar mereka bersatu dan saling mengasihi di antara satu sama lain.
- Berdoalah untuk orang Kristian agar mereka pergi kepada orang Kist dan orang-orang Islam di kawasan lain

Hari ke-15                      27hb September

Orang Mirpur di Britain

Tahukah anda?

- Orang Mirpur datang dari Mirpur di Pakistan
- Bahasa ibunda mereka adalah Pothowari
- Pada asalnya mereka datang dari kawasan yang miskin

50 tahun yang lalu, kerajaan negara Pakistan berancang membina sebuah empangan di kawasan Mirpur. Ramai penduduk terpaksa berpindah, dan oleh kerana pada masa itu Britain memerlukan pekerja di kilang kain, mereka semua telah pergi ke sana. Hampir setengah daripada penduduk kampung telah berpindah. Kebanyakan mereka tinggal di Bradford di England. Ia sungguh sukar bagi orang-orang dari negeri Pakistan untuk tinggal di England secara tiba-tiba dan di dalam keadaan yang sangat berbeza. Kebanyakan mereka rasa mereka dilayan secara tidak adil dan mereka masih sangat marah akan perkara-perkara yang telah mereka alami. Agak susah bagi mereka untuk menjadi orang Kristian dan hanya sedikit saja di antara mereka yang menjadi orang Kristian.

### **Jom!**

Bayangkanlah anda perlu tinggalkan tempat tinggal dan juga barang-barang kesayangan anda dan pergi ke suatu tempat yang agak berbeza. Itulah keadaan yang dialami oleh orang Mirpur. Bincangkan tentang perkara yang paling sukar bagi anda untuk ditinggalkan. Dengan pemahaman demikian, marilah doakan orang Mirpur.

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah agar ramai orang Kristian di Britain mula mengongsikan Berita Baik tentang Yesus dengan mereka
- Berdoalah untuk orang-orang misionari yang bersiap sedia untuk pergi kepada mereka. Berdoalah agar mereka tahu cara untuk membawa Injil kepada orang Mirpur dengan cara yang dapat difahami oleh mereka
- Berdoalah untuk perlindungan bagi beberapa orang Mirpur yang telah menjadi orang Kristian

Hari ke-16                      28hb September

Orang Kurd di Kanada

Tahukah anda?

- Orang Kurd berasal dari Turki, Iran dan Iraq
- Loghat mereka dipanggil Sorani
- Kebanyakan orang Kurd di Kanada adalah penganut Islam

Valid adalah seorang pemuda Kurd. Semasa dia masih seorang kanak-kanak, keluarganya telah melarikan diri dari kampung mereka, rumah mereka serta meninggalkan semuanya. Ramai di antara kawan dan saudara-mara mereka telah meninggal dunia akibat peperangan di Iraq. Valid dan keluarganya sekarang sudah lama menetap di Hamilton, Kanada. Bapa Valid bekerja keras di kedai menjual piza. Dia menyukai kerjanya dan rasa gembira kerana dia dengan keluarganya kini bebas dan bebas menggunakan bahasa ibunda mereka. Tetapi bagi Valid dan adik perempuannya, itu merupakan suatu perkara yang susah. Mereka lebih suka berbahasa Inggeris daripada bahasa ibunda mereka. Mereka tidak pasti sama ada mereka orang Kanada atau orang Kurd. Sekali seminggu mereka akan pergi ke sekolah istimewa bagi orang-orang Kurd, di mana mereka belajar bahasa ibunda mereka dan belajar tentang budaya mereka.

### **Jom!**

Kanak-kanak Kurd mengalami kesukaran mengetahui identiti mereka. Dalam keluarga kamu, berdiri bersama-sama, berpegangan tangan dan berdoa seorang demi seorang untuk orang Kurd agar mereka akan menjadi sebahagian daripada keluarga Tuhan. Itulah tempat di mana mereka akan rasa mereka diterima!

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah untuk kanak-kanak dan pemuda-pemudi Kurd yang tinggal di dalam "2 dunia" itu. Berdoalah agar mereka dapat mengenal Yesus, yang menjaga mereka dan mengetahui apa yang mereka perlukan
- Berdoalah agar orang Kurd mendapat mimpi dan penglihatan tentang Yesus dan memahami bahawa mereka memerlukan Dia
- Berdoalah untuk orang Kristian di Kanada agar mereka akan mengongsikan Berita Baik kepada orang Kurd. Berdoa juga agar mereka akan menunjukkan melalui cara hidup mereka siapakah Tuhan dan bahawa Dia mengasihi orang Kurd

Hari ke-17                      29hb September

Orang-orang Islam di Guyana

Tahukah anda?

- Guyana adalah sebuah negara yang kecil di utara Amerika Selatan
- Guyana bererti "Tanah yang mempunyai banyak air"
- Guyana mempunyai hutan tropika yang besar

Penduduk di Guyana datang dari beberapa negara yang berlainan. Mereka datang dari Afrika, India dan Pakistan serta dari negara China dan tempat lain. Orang-orang Islam yang pertama datang ke Guyana adalah Orang Fulan dari Afrika. Mereka telah dibawa dari Afrika sebagai hamba untuk bekerja di ladang kapas dan tebu. Selepas itu, orang-orang Islam dari India dan Pakistan datang untuk bekerja di sana juga. Mereka ingin tahu apa yang sedang berlaku pada orang-orang Islam di merata dunia dan seringkali menjemput penceramah untuk memberitahu mereka apa yang sedang berlaku.

### **Jom!**

Oleh kerana penganut-penganut Islam pertama yang datang ke Guyana terpaksa berkerja keras, hari ini anda boleh berdoa untuk mereka sambil anda membuat kerja bersama-sama dengan keluarga anda. Berdoalah sambil mencuci pinggan mangkuk atau membersihkan bilik bersama-sama. Sambil anda bekerja, berdoalah!

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah agar semua kumpulan orang dari negara yang berlainan itu dapat mendengar tentang kasih Tuhan dan kedamaian-Nya
- Berdoalah agar pemuda-pemudi dapat mendengar muzik Kristian dan rancangan TV yang baik
- Guyana mempunyai beberapa Sekolah Alkitab. Berdoalah agar sesiapa yang mempunyai kerinduan untuk menjangkau umat Islam dapat dilatih di sana.

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

---

Hari ke-18                      30hb September

Singapura – Kota Singa

Tahukah anda?

- Singapura terdiri daripada satu pulau besar dan 62 pulau-pulau kecil
- Ia merupakan suatu negara yang kecil
- Tetapi mempunyai sangat banyak pusat membeli-belah

Ramai orang singgah di Singapura dalam perjalanan ke negara lain. Terdapat banyak tempat untuk membeli barangan elektronik di Singapura. Anda juga dapat melihat sesuatu perkara yang lain di Singapura. Anda dapat menemui sebuah gereja, sebuah tokong dan sebuah masjid dibina bersebelahan sahaja. Oleh kerana kepelbagaian keagamaan, kerajaan Singapura tidak menggalakkan orang Kristian mengongsikan Berita Baik tentang Yesus dengan mereka yang belum mengenali Dia, di mana kebanyakan mereka adalah orang-orang Islam dari Malaysia dan India. Seramai 1,000 orang Melayu Islam telah mengenal Yesus dalam beberapa tahun yang lalu.

Di Singapura, banyak perkara ditulis dalam 4 bahasa. Susunkan huruf di bawah untuk mencari apakah 4 bahasa itu:

\_\_\_\_\_ igesngri

\_\_\_\_\_ inca

\_\_\_\_\_ lmati

\_\_\_\_\_ yamelu

### **Jom!**

Adakah anda tahu sebuah lagu Kristian dalam bahasa yang lain? Nyanyikannya bagi penduduk Singapura, yang bercakap dalam bahasa yang berbeza. Kemudian, doakan mereka. Berpegang tanganlah untuk menunjukkan kesatuan anda.

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah agar orang Kristian di Singapura mempunyai peluang untuk memberitakan kepada orang-orang Islam tentang Yesus dan juga agar mereka tahu cara yang terbaik untuk melakukannya
- Berdoalah untuk orang Kristian supaya mereka mempunyai perhubungan yang baik dengan jiran mereka yang beragama Islam
- Berdoalah untuk peniaga Kristian agar mereka dapat berkongsi dengan teman peniaga Islam mereka.

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

---

Hari ke-19                      1hb Oktober

Pulau Jawa

Tahukah anda?

- Pulau Jawa merupakan salah satu pulau di kepulauan Indonesia
- 10% daripada orang-orang Islam dari seluruh dunia tinggal di Pulau Jawa
- Jawa Pesisir Lor merupakan suku kaum yang terbesar di pulau ini

Beberapa tahun yang lalu, Pulau Jawa diperintah oleh kerajaan Islam yang telah membina satu masjid yang besar dan cantik. Beberapa orang Islam di Pulau Jawa masih percaya bahawa jikalau mereka melawat masjid itu sebanyak 7 kali, mereka tidak perlu ke Mekah. Suku kaum Jawa Pesisir Lor yang tinggal di kawasan itu merupakan orang-orang Muslim yang bangga akan agama mereka dan suka mendengar muzik Islam mereka sendiri dan membaca Qur'an. Tetapi ramai pemuda-pemudi di sana ingin menjadi lebih moden seperti pemuda-pemudi di negara-negara barat.

Carilah nama kota besar di utara Pulau Jawa. Guna kunci dari Hari ke-10

\_\_\_\_\_ 19 5 13 1 18 1 14 7

**Jom!**

Dapatkan beberapa blok LEGO atau blok pembinaan. Bina sebuah gereja dan bukannya sebuah masjid dan berdoa agar lebih ramai penduduk di Pulau Jawa akan sembahyang di gereja dan bukan di masjid.

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah agar orang Kristian tidak takut tetapi akan pergi dan mengongsikan Berita Baik dengan orang-orang Islam
- Berdoalah agar pemimpin-pemimpin dan ulama-ulama Islam menjadi Kristian
- Banyak penduduk di Pulau Jawa rasa bangga/sombong kerana mereka merupakan orang pertama menjadi penganut Islam di rantau itu. Berdoalah agar mereka dapat merendahkan hati mereka dan menyembah Yesus

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

---

Hari ke-20

2hb Oktober

Brunei

Tahukah anda?

- Sultan Brunei merupakan salah seorang yang terkaya di dunia
- Keluarga Kerabat Diraja yang sama telah memerintah Brunei selama 600 tahun
- Ibu kota Brunei adalah Bandar Seri Begawan

Sangat sukar untuk menjadi seorang Kristian di Brunei. Walaupun anda belajar di sekolah Kristian, anda terpaksa belajar tentang agama Islam dan tidak dapat belajar tentang Yesus. Selepas tamat sekolah, anda terpaksa keluar dari Brunei jika anda ingin ke universiti dan kemungkinan anda tidak akan dapat kerja di Brunei, kerana anda seorang Kristian. Jika anda ingin ke gereja, anda hanya dapat memilih di antara dua buah gereja dan anda perlu ketahui bahawa polis akan memerhatikan sesiapa yang pergi ke gereja. Oleh kerana semua ini, hanya sebilangan kecil penduduk Brunei Islam mula percaya kepada Yesus dan sukar bagi mereka terbuka dan jujur tentang hal ini.

Menjadi seorang Kristian di Brunei adalah sangat merbahaya. Bersama-sama dengan keluarga anda, duduk di bawah meja untuk bersembunyi dan mula berdoa. Bisikkan doa anda, jika tidak, nanti kamu akan “didengar oleh polis”.

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah untuk pekerja asing yang beragama Kristian yang bekerja di sana supaya dapat menjadi teladan untuk rakan kerja mereka.
- Berdoalah agar mereka mendapat mimpi dan penglihatan tentang Yesus
- Berdoalah untuk Keluarga Kerabat Diraja, Sultan, Permaisurinya, Azinaz Hakim dari Malaysia; Putera Mahkota Billah dan isterinya; Sarah

Hari ke-21

3hb Oktober

Djibouti

Tahukan anda?

- Djibouti merupakan negara yang kedua terkecil di Afrika
- Ia merupakan negara yang paling panas di bumi
- Penduduk di sana sudah menganut agama Islam sejak 1,000 tahun yang lalu

Mahukah anda tinggal di Djibouti? Cuaca di sana sangat panas dan biasanya kering serta langsung tidak ada hujan. Oleh kerana itu, setengah daripada penduduk di Djibouti tidak ada pekerjaan. Penduduk yang tinggal di Djibouti adalah orang Somali dan Afar. Lebih kurang 486,000 orang tinggal di negara ini, lebih kurang saiz sebuah kota kecil. Kebanyakan orang tinggal di ibu kota Djibouti, yang juga dikenali sebagai Djibouti. Ia sangat mudah bagi orang asing datang ke negara Djibouti, bahkan orang Kristian dapat pergi ke sana dan menginjili orang lain. Ada sekumpulan kecil orang Afar dan Somali yang percaya, yang kerap bersekutu. Kadang-kala mereka bermimpi tentang Yesus dan ini merupakan perkara yang penting bagi mereka kerana mereka tidak pandai membaca.

**Jom!**

Pergi ke bilik yang terkecil (atau bilik mandi anda) di rumah anda; setiap orang ambil segelas air. Selepas anda berdoa untuk penduduk di Djibouti, anda boleh minum air itu dan terus berdoa untuk mereka, agar mereka akan mempunyai air yang secukupnya di negara mereka.

Bahan-bahan Doa:

- Pada tahun 1990an, perang saudara tercetus di antara kumpulan orang yang berlainan. Berdoalah agar perang tidak akan berlaku lagi.
- Berdoalah untuk misionari-misionari yang berada di sana untuk membantu Djibouti dari segi pendidikan dan pertanian
- Berdoalah agar gereja-gereja bagi suku-suku kaum yang berlainan akan dimulakan dan agar orang dapat mendengar Injil melalui rancangan radio

Hari ke-22

4 Oktober

Liberia

Tahukah anda?

- Liberia bererti “Tanah orang-orang bebas”
- Liberia diasaskan oleh bekas-bekas hamba
- Ia adalah sebuah negara di Afrika Barat

Di Liberia, ramai orang beragama Kristian atau percaya dalam roh, tetapi juga semakin ramai orang menganut agama Islam. Di antara tahun 1989 dan 2003, tercetus beberapa perang di Liberia, dan orang di sana sangat inginkan kedamaian. Ramai orang Islam dari negara lain datang ke Monrovia, ibu kota Liberia dan kebanyakan askar yang datang untuk menjaga kedamaian negara ini juga merupakan orang Islam. Banyak masjid telah dibina dan penduduk di sana berpakaian jubah tradisional Islam dan menutupi kepala mereka. Kebanyakan masa, orang Kristian di sana tidak memahami jiran Islam mereka dan rasa marah terhadap mereka kerana peperangan.

**Jom!**

Ambillah beberapa keping kertas, gunting dan gam. Gunting kertas itu dan bentukkan seutas rantai bagi penduduk Liberia yang dahulunya hamba dan sekarang diikat semula oleh keagamaan Islam. Tuliskan doa anda di atas beberapa keping kertas dan lekatkannya bersama-sama untuk membentuk seutas rantai. Anda boleh menggantungkannya di suatu tempat di rumah anda.

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah agar mereka memahami bahawa hanya Tuhan yang dapat membawa kedamaian yang sebenarnya kepada mereka
- Berdoalah untuk orang-orang misionari yang sedang bekerja di Liberia
- Berdoalah untuk orang Kristian di gereja agar mereka dilatih dan bersedia untuk menjangkau orang Islam dan mengalu-alukan mereka ke dalam gereja

Hari ke-23

5hb Oktober

Orang-orang Islam di Mauritania

Tahukah anda?

- 99% daripada penduduk Mauritania merupakan penganut Islam
- Ia mendapat kemerdekaannya daripada Perancis pada tahun 1960
- Ia merupakan sebuah negara yang sangat miskin

Adakan anda suka bermain dengan pasir? Jika ya, mungkin anda suka pergi ke Mauritania. Di sana cuaca sentiasa panas dan kering dan kebanyakan kawasan di sana adalah padang gurun. Sejak beberapa tahun yang lalu, jarang terdapat hujan, dan makanan tidak mencukupi untuk semua orang. Kebanyakan kanak-kanak hanya dapat makan sekali sehari dan biasanya makanan mereka adalah bubur sahaja. Mereka jarang mempunyai barang mainan dan apabila hujan turun, mereka akan berlari-lari di dalam hujan dengan gembiranya serta berenang di air berlumpur, dan ini akan menyebabkan mereka sakit.

Ia juga sukar menjadi orang Kristian di sana, tetapi Tuhan sedang berbicara dengan ramai penduduk Mauritania melalui mimpi dan penglihatan.

### **Jom!**

Masuklah ke dalam dapur dan cari beberapa makanan yang baik dan berkhasiat (contohnya sayur-sayuran dan buah-buahan), dan kemudian berdoalah bersama-sama bagi penduduk di Muaritania.

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah agar ramai di antara mereka mempunyai mimpi dan dapat melihat betapa Tuhan mengasihi mereka dan memelihara mereka
- Berdoalah untuk kanak-kanak yang sedang menderita akibat tidak cukup makanan: berdoalah agar mereka mendapat makanan yang baik dan berkhasiat
- Berdoalah untuk hujan dan supaya tanaman akan bertumbuh
- Ramai orang bercerai di Mauritania: ini amat sukar bagi kaum wanita dan kanak-kanak. Berdoalah untuk mereka.

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

Hari ke-24

6hb Oktober

Orang Berta

Tahukah anda?

- Orang Berta tinggal di 2 buah negara, Sudan dan Ethiopia
- Pada masa dahulu, mereka dijual sebagai hamba
- Orang Berta juga dikenali sebagai orang Wetawit

Bahasa Berta sangat berbeza daripada bahasa yang digunakan oleh orang lain yang tinggal di Ethiopia. Bagi kanak-kanak, ia agak sukar apabila mereka pergi ke sekolah di mana mereka mempelajari bahasa yang agak berbeza. Tidak ramai kanak-kanak yang dapat pergi ke sekolah dan ada yang di antara mereka yang berhenti sekolah selepas beberapa lama kerana mereka tidak dapat mengikuti pengajaran. Hanya 10% daripada orang Berta boleh membaca dan menulis. Tetapi syukur keadaan ini sedang berubah dan kanak-kanak Berta dapat membaca dan menulis dalam bahasa mereka.

B	U	A	H	B	U	A	H	A	N
K	P	E	M	A	S	M	B	L	R
M	E	X	S	G	T	V	B	K	U
T	T	E	G	H	I	D	I	I	I
S	A	Y	U	R	A	N	B	T	T
V	N	S	O	I	U	R	L	A	S
N	I	W	A	S	D	P	D	B	K

Cari 5 perkara yang penting bagi orang Berta.

**Jom!**

Ini merupakan satu ayat dari alkitab yang anda boleh gunakan untuk doakan orang Berta. Tahukah anda apa ertinya dan bahasa apa?

**Eid yllaer reven dna efil lanrete evah lliw mih ni htiaf sah ohw enoyreve taht os, nos ylnosih evag eh taht hcum os dlrow siht fo elpoep eht devol dog**

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah agar ramai di antara mereka dapat belajar membaca dan menulis dan juga dapat membaca Alkitab
- Berdoalah agar ada penterjemahan Alkitab dalam bahasa Berta
- Berdoalah agar orang Kristian dari kaum lain dapat mengongsikan Berita Baik kepada Orang Berta

Hari ke-25

7hb Oktober

Malam Kuasa

Tahukah anda?

- Pada malam ini, orang-orang Islam percaya bahawa Malaikat-malaikat akan berterbangan untuk membawa doa mereka kepada Allah
- Ramai orang Islam berjaga sehingga larut malam untuk berdoa pada malam ini dan menunggu untuk mendengar daripada Allah

Dini merupakan seorang pemudi di Indonesia. Selepas dia kehilangan bapanya, ibunya bercadang untuk berkahwin semula tanpa memberitahunya. Dia menjadi sangat sedih dan kecewa dan berfikiran bahawa dia tidak dapat mempercayai sesiapa pun. Dia mula memberontak di sekolah dan tidak melakukan apa yang disuruh. Tetapi ini tidak menjadikan dia gembira. Menjadi seorang gadis yang baik dan mematuhi undang-undang Islam pun tidak dapat memberi kepuasan kepadanya. Suatu kali semasa Malam Kuasa Ramadan, dia mengambil keputusan untuk berdoa satu doa yang khusus untuk lebih mengenal Allah. Dia meminta Allah menunjukkan dirinya kepada dia, kalau tidak, dia akan hidup mengikut kehendaknya sendiri. Tiba-tiba, dia ternampak suatu cahaya yang terang dan seorang berbaju putih. Dia memberitahu Dini untuk mengikut-Nya dan Dini sedar bahawa itu adalah Yesus. Malam itu, Dini yang berumur 17 tahun telah mengambil keputusan untuk mengikut Yesus, tidak kira apa yang akan terjadi kepadanya.

**Jom!**

Hari ini, berdoalah sebelum anda tidur untuk semua orang yang akan berjaga sepanjang malam ini. Layarilah laman web ini untuk mengetahui lebih banyak cerita: [www.dreamsandvisions.com](http://www.dreamsandvisions.com)

Bahan-bahan Doa:

- Cerita Dini telah dipaparkan di dalam laman web di mana orang Islam dapat membaca lebih banyak cerita sebegini. Berdoalah agar ramai orang Islam dapat mencari laman web ini dan memberitahu yang lain
- Berdoalah agar lebih ramai akan mempunyai mimpi dan penglihatan tentang Yesus semasa Malam Kuasa ini
- Berdoalah agar orang Islam akan memahami bahawa hanya Yesus yang dapat menolong mereka

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

Hari ke-26

8hb Oktober

Orang-orang Islam di Chittagong

Tahukah anda?

- Chittagong merupakan kota yang kedua terbesar di Bangladesh (carilah Bangladesh di peta)
- Ia mempunyai suatu pelabuhan yang besar dengan banyak kapal yang keluar masuk
- Bangladesh merupakan salah satu negara yang paling miskin di dunia

Di dalam dan di sekitar kota Chittagong, terdapat sekumpulan orang yang menggunakan bahasa yang tidak digunakan oleh orang lain yang tinggal di Bangladesh. Ia merupakan satu kumpulan yang besar dengan seramai 14 juta orang (setengah daripada penduduk di Kanada). Bahasa ini tidak tertulis dan tiada buku dalam bahasa itu. Tidak ada Alkitab yang diterjemahkan dalam bahasa Chatgaya Buli (bahasa ibunda mereka). Kebanyakan mereka, terutamanya kaum wanita dan orang muda, tidak tahu membaca dan menulis walaupun sedikit pun. Syukur bahawa ada beberapa orang Chittagong yang telah menjadi orang yang percaya. Mereka dapat menterjemahkan Filem Yesus dalam bahasa Chatgaya Buli dan apabila orang lain menonton tayangan ini, mereka mengatakan, "Yesus adalah salah satu daripada kami; Dia berbicara dalam bahasa kami!"

Orang Chittagong berbeza daripada penduduk di Bangladesh yang lain: carikan kenapa mereka berbeza:

\_\_\_\_\_ 13 1 11 1 14 1 14

\_\_\_\_\_ 16 1 11 1 9 1 14

\_\_\_\_\_ 2 1 8 1 19 1

Cari kunci di muka surat...

### **Jom!**

Ambil satu tuala besar atau alas meja, letakkannya di atas lantai dan kemudian duduk di atasnya bersama-sama. Anda adalah misionari yang baru sampai di pelabuhan besar Chittagong untuk mengongsikan Berita Baik dengan penduduk di Chittagong. Keadaan di sana sangat panas dan bising. Seorang boleh berdoa sambil yang lain menyanyi lagu untuk memuji Tuhan.

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah untuk orang yang mempunyai keinginan untuk mempelajari bahasa itu dan membawa Berita Baik kepada penduduk di Chittagong
- Berdoalah agar ada video dan pita rakaman suara dalam bahasa Chatgaya Buli, agar mereka dapat dengar mengenai Yesus
- Berdoalah untuk beberapa orang Kristian di Chittagong agar mereka dapat memberanikan untuk menjangkau orang lain di Chittagong

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

---

Hari ke-27

9hb Oktober

Orang-orang Islam di Firozabad

Tahukah anda?

- Setengah juta orang tinggal di Firozabad
- Ia dipanggil kota kaca
- Setengah daripada penduduk di Firozabad adalah orang-orang Islam

Firozabad merupakan satu tempat yang istimewa. Barang-barang yang diperbuat daripada kaca dihasilkan di sana. Apakah barang-barang yang boleh anda fikirkan, yang diperbuat daripada kaca? Mungkin anda memikirkan tentang pasu atau lampu seperti gambar di mukasurat ini, gelas atau jag. Tetapi ada juga sesuatu yang dihasilkan di Firozabad yang diperbuat daripada kaca. Ia adalah gelang tangan yang dipakai oleh setiap wanita dan gadis di India. Di sini ada 300 kilang dan beribu-ribu kanak-kanak bekerja di sini, mengilap dan mengecat gelang tangan. Oleh kerana mereka bekerja di kilang, mereka tidak dapat pergi ke sekolah dan oleh itu, tidak dapat belajar membaca dan menulis. Kilang-kilang ini juga mencemarkan udara di kota ini dan tidak sihat bagi kanak-kanak.



### **Jom!**

Semua orang di dalam keluarga anda harus membawa sesuatu yang diperbuat daripada kaca dan meletakkannya di atas meja (berjaga-jagalah agar tidak pecah). Perhatikan barang-barang itu seolah-olah ia datang dari Firozabad dan dibuat oleh kanak-kanak. Berdoalah sekarang!

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah bagi kanak-kanak yang terdedah kepada pencemaran udara dan terpaksa bekerja dalam keadaan kilang yang teruk. Berdoalah agar mereka dapat dilepaskan dan dapat pergi ke sekolah
- Berdoalah agar ada misionari yang pergi ke sana untuk bekerja di Firozabad
- Berdoalah agar muda-mudi dapat membaca Firman Tuhan dan memahaminya

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

---

Hari ke-28                      10hb Oktober

Jamia (Universiti Islam)

Tahukah anda?

- Di Delhi, India, terdapat 10,400 pelajar Universiti Islam
- Jamia bererti Universiti dalam Bahasa Urdu

Iqbal, seorang pelajar Jamia di Delhi, baru-baru ini mendapat satu mimpi. Di dalam mimpinya, dia bertemu dengan Yesus dan membuat keputusan untuk mengikutinya. Sekarang dia sedang mengongsikan kepercayaannya kepada Yesus dengan pelajar lain di universiti besar ini. Pelajar-pelajar di universiti ini sentiasa belajar bahawa banyak perkara buruk datang dari Barat. Mereka percaya bahawa setiap orang yang tinggal di negara-negara Barat adalah orang Kristian. Mereka mengikuti organisasi yang menentang negara-negara Barat dan ingin berlawan dengannya.

### **Jom!**

Oleh kerana pelajar-pelajar ini harus banyak belajar, pergilah dan ambil beberapa buah buku, serta Alkitab anda. Pegang buku-buku itu sambil anda doakan pelajar-pelajar ini, kemudian letakkan Alkitab anda di atas dan doakan agar mereka juga dapat mempelajari tentang Firman Tuhan dan membacanya.

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah untuk pelajar Islam agar mereka bertemu dengan orang Kristian yang benar.
- Berdoalah agar pelajar dan pengajar mendapat mimpi tentang Yesus
- Berdoalah untuk orang Kristian agar mereka pergi ke universiti dan memberitakan Tuhan kepada pelajar dan pengajar

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

---

Hari ke-29

11hb Oktober

Orang-orang Islam di Nasik

Tahukah anda?

- Nasik mempunyai 4 juta penduduk, sama jumlah dengan keseluruhan penduduk di New Zealand
- Ia merupakan salah satu kota suci bagi orang Hindu
- "Nasika" bererti hidung dalam bahasa Sankrit (Bahasa Purba India)

Lebih kurang 500 tahun yang lalu, 2 orang Islam telah datang ke Nasik untuk menyebarkan agama Islam. Mereka memiliki kuasa untuk menyembuhkan orang sakit dan ramai orang Hindu di kota itu menjadi penganut Islam. Tetapi oleh kerana menjadi seorang Hindu amat penting dalam kota ini, orang-orang Islam terpaksa tinggal di kawasan kota yang serba kekurangan dan sempit. Tidak ada orang di Nasik yang mengongsikan Berita Baik kepada orang Islam di sini. Ada beberapa orang Kristian di sini yang sedang doakan orang Islam, tetapi kebanyakan mereka takut untuk pergi memberitakan Yesus kepada mereka secara peribadi.

### **Jom!**

Kongsikan di antara satu sama lain apa kebaikannya mengikuti Yesus dan mengapa anda ingin orang lain percaya kepada Yesus juga. Kemudian doakan orang-orang Islam di Nasik dengan pemahaman ini.

Bahan-bahan Doa:

- Berdoalah untuk misionari agar mereka pergi ke Nasik
- Berdoalah agar orang Kristian tidak akan rasa takut lagi dan akan berkongsi dengan jiran Islam mereka
- Berdoalah agar orang Islam terbuka untuk mendengar dan mula percaya kepada Yesus

Hari ke-30                      12hb Oktober

Orang Zikri Baluch dari Asia Selatan

Tahukah anda?

- Kebanyakan orang Zikri tinggal di Pakistan di bahagian Wilayah Baluchistan
- Orang Zikri mengucapkan doa yang dipanggil Zikr, 5 kali sehari
- Mereka akan menziarahi kota suci mereka, iaitu Koh-e-Murad

Ramai orang Zikri tinggal di tepi laut dan bekerja sebagai nelayan. Apabila beberapa di antara mereka keluar ke laut, angin ribut melanda. Mereka ketakutan dan fikir mereka akan mati. Tetapi tiba-tiba mereka mengalami sesuatu seperti mana yang dialami oleh pengikut Yesus dalam Alkitab. Yesus muncul dan menyelamatkan mereka. Wah, betapa seronoknya! Bagaimanalah kalau mereka menjadi pengikut Yesus dan menjadi “penjala manusia” seperti pengikut Yesus?

### **Jom!**

Dapatkan beberapa keping kertas, pensel dan gunting. Lukiskan gambar ikan dan guntingkannya. Kemudian tuliskan doa anda di atas gambar itu. Anda juga boleh membuat sebuah kapal dari kertas itu. Apabila anda sudah doakan ‘ikan’ itu, anda boleh letakkannya di atas kapal yang anda buat tadi.

Bahan-bahan Doa:

- Beberapa orang Zikri telah menjadi pengikut Yesus; berdoalah agar mereka dapat belajar lebih lagi mengenai Dia
- Berdoalah agar mereka dapat mengongsikan tentang Yesus dengan keluarga mereka dan menjadi “penjala manusia”
- Berdoalah agar ada misionari yang akan pergi kepada orang Zikri
- Berdoalah agar pemimpin agama orang Zikri mendapat mimpi dan penglihatan tentang Yesus dan akan mula mengikut Dia

## 30 Hari Doa Bagi Dunia Muslim Edisi Kanak-Kanak

Jawapan untuk teka-teki

**Hari ke-2**

- Telinga, Mulut, Lengan, Tangan, Kaki

**Hari ke-3**

ABC	DEF	GHJ
IKL	MNO	PQR
STU	VWX	YZ

Mekah

**Hari ke-8**

T	P	O	K	O	K	R	A	M	I
E	A	C	E	G	I	K	T	B	U
M	T	Y	X	C	V	K	W	A	G
B	B	A	P	R	I	K	O	T	A
I	H	E	M	P	R	H	D	E	N
K	J	J	A	G	U	N	G	K	D
A	D	O	Q	A	I	G	T	E	U
I	D	N	Z	R	T	N	C	B	M
U	B	I	K	E	N	T	A	N	G

**Hari ke-12**

- Damai Tuhan dan bukan rasa tidak diampuni

**Hari ke-14**

- Rusia, Armenia, Azerbaijan, Turki

**Hari ke-10, Hari ke-19, Hari ke-26**

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22
A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V
23	24	25	26																		
W	X	Y	Z																		

**Hari ke-18**

- Bahasa: Inggeris, Cina, Tamil, Melayu

**Hari ke-24**

- Yohanes 3:16
- Emas, Petani, Alkitab, Sayuran dan Buah-buahan

**Hari ke-26**

- Makanan, Pakaian, Bahasa

[www.30-days.net](http://www.30-days.net) | [www.30daysfire.net](http://www.30daysfire.net)